



PROSES melabuhkan tukun tiruan konkrit di perairan Pulau Nangka. Gambar - NSTP/NURALIAWATI SABRI.

# Tiga pulau tunggu kelulusan diisytihar Taman Laut Negara

HM 25/3/2022 ms .18

**Melaka:** Tiga pulau di Melaka bakal diwartakan sebagai Taman Laut Negara, menjelang hujung tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 (Mafi) Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, tiga pulau itu iaitu Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol diwartakan dibawah Seksyen 41, Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Katanya, pewartaan ketiga-tiga pulau itu kira-kira satu nautika membabitkan jumlah lebih RM1 juta.

"Permohonan pewartaan kini di peringkat kerajaan Persekutuan selepas permohonan itu diluluskan di peringkat kerajaan negeri dan sebelum akhir tahun ini kita laksanakannya.

"Bagi peringkat pertama,

Kementerian Pertanian meluluskan lebih RM1 juta dan membabitkan beberapa peringkat mengikut kesesuaian bagi pastikan ketiga-tiga pulau ini menjadi kawasan perlindungan *Marine Protected Area (MPA)*," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Melabuh Tukun Tiruan Konkrit di Perairan Pulau Nangka, yang turut dihadiri Ketua Pengarah Perikanan Malaysia Mohd Sufian Sulaiman di Pulau Undan, semalam.

Menurutnya, selepas diwartakan kelak ia memberi impak bukan sahaja dapat melindungi habitat di kawasan itu malah mampu menambah tahap sara diri (SSL) perikanan negeri.

"Habitat yang kita wujudkan bukan hanya untuk hasil di kawasan itu tetapi turut

melimpah ke kawasan sekitar dan sumber perikanan terus bertambah.

"Di Melaka SSL perikanan hanya 24 peratus dan kita yakin usaha ini meningkatkan lagi bilangan SSL perikanan," katanya.

Ahmad berkata, pihaknya yakin usaha mewartakan Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol sebagai Taman Laut Negara menjadi produk pelancongan terke muka negeri ini.

"Perairan ketiga-tiga pulau dikenal pasti mempunyai terumbu karang luar biasa dan mampu menarik ramai pelancong," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, RM300,000 diperuntukkan untuk sembilan unit Tukun Tiruan Konservasi yang dilabuhkan di kawasan Taman Laut Pulau Nangka.